

“Kepada Jihad wahai Umat Muhammad”

(Seruan Setiausaha Agung *Rābiṭah Al-‘Ālam Al-Islāmī* dari kota suci Makkah al-Mukarramah)

Buat kali yang ketiganya Setiausaha Agung *Rābiṭah Al-‘Ālam Al-Islāmī* Al-Shaykh Mohammed Suroor Al-Ṣabbān - yang berpusat di kota suci Makkah al-Mukarramah – telah menyeru seluruh pemimpin dan penganjur umat Islam di seantero dunia supaya melaksanakan perang. Jihad *fi sabīli Allāh* ke atas bangsa Yahudi Zionis yang dengan secara terang-terangan telah berani menodai kemuliaan kota suci Islam yang ketiga “Baitul Maqdis” dan bercita-cita untuk meruntuhkan Masjid Al-Ṣakhrah – tempat persinggahan Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* dalam perjalanan baginda Mikraj ke langit menemui Allah ‘*Azza wa Jalla* – di atas bekas runtuhannya Masjid Al-Ṣakhrah itu kelak akan mereka bangunkan sebuah rumah ibadat Yahudi yang baru berbentuk Haikal Sulaiman.

Di dalam seruannya itu di antara lain Setiausaha Agung *Rābiṭah Al-‘Ālam Al-Islāmī* menyatakan: “Sesungguhnya Israel (Yahudi) suatu bangsa yang bersifat tamak. Suatu bangsa yang tidak bersopan santun dan tidak mahu menghormati sejarah dunia. Mereka dengan tidak segan-segan mengatakan bahawa bandar lama Baitul Maqdis adalah satu bahagian daripada kota Jerusalem, kemudian dengan tidak silu-silu lagi mereka

lantas menaikkan bendera Israel di atas kemuncak Masjid al-Aqsa dan menghancurkan kampung Al-Ghāriyah yang terletak di sekeliling masjid itu yang mana terletak padanya tembok tempat menangis (*Wailing Wall*) dan juga mereka telah menghancurkan sebuah perkampungan orang-orang Arab yang mereka namakan kampung Yahudi ... Begitulah kekejaman-kekejaman yang telah dilakukan oleh orang-orang Israel terhadap orang-orang Islam di kota Quds yang telah mereka tawan.

Selain daripada perbuatan-perbuatan kejam dan durjana yang telah mereka lakukan, mereka bercita-cita pula untuk menghancurkan bangunan Masjid Al-Ṣakhrah sebuah masjid yang bersejarah di dalam Islam – yaitu tempat persinggahan Rasul Allāh *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* di dalam perjalanan baginda Mikraj ke langit untuk menemui Tuhan ‘*Azza wa Jalla* - di atas runtuhannya masjid yang mulia itulah kelak akan mereka dirikan sebuah rumah ibadat Yahudi yang berbentuk Haikal Sulaiman. Tujuan mereka berbuat demikian ialah semata-mata untuk menghapuskan bekas-bekas lama Islam yang mengandungi sejarah dari kota Islam yang diberkati Tuhan itu.

Adakah bangsa Yahudi berpuas hati di atas segala kekejaman yang telah mereka lakukan terhadap

orang Islam di atas bumi tempat tumpah darah mereka yang dirampas dengan secara kekerasan itu? Tidak! Mereka belum berpuas hati. Mereka terus menjalankan siyasah durjana dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang lebih durjana, merompak, merampas dan menodai kehormatan orang-orang Islam dengan tujuan untuk memaksa mereka supaya keluar beramai-ramai meninggalkan kampung halaman dan tanah air yang mereka cintai.

Selain dari itu orang-orang Yahudi telah mengosongkan seluruh kota-kota Islam yang telah mereka tawan daripada bahan-bahan makanan serta mengenakan perintah berkurung pada sepanjang hari. Pada ketika itulah pihak polis dan tentera-tentera Israel memecahkan gudang-gudang makanan, kedai-kedai dan rumah-rumah orang Islam dengan merampas segala apa yang mereka jumpai dan membinasakan segala sesuatu yang tinggal. Di kota Baitul Maqdis sahaja beribu-ribu buah kilang-kilang kecil kepunyaan orang-orang Islam telah dimusnahkan sehingga menyebabkan bilangan penganggur di dalam negeri bertambah banyak dan mata pencarian hidup sehari-hari semakin sempit.

Ini selain daripada mereka meletupkan jalan-jalan raya di dalam dan di luar kota dengan tujuan untuk

menyekat dan memberhentikan perhubungan dagang di antara sesuatu kota dengan kampung-kampung yang berhampiran dengannya, supaya bekalan-bekalan makanan dan sebagainya dari kampung-kampung tidak dapat masuk ke kota-kota.

Inilah cara-cara siyash kotor yang dilaksanakan oleh bangsa Yahudi terhadap orang-orang Islam yang masih tinggal menetap di dalam mana-mana kota Islam yang telah mereka tawan.

Wahai Kaum Muslimin!

Sesungguhnya bangsa Yahudi dan Zionis yang berdiri di belakangnya, tidak akan berani menjalankan sesuatu pencerobohan dan melakukan sesuatu perbuatan kejam melainkan setelah mereka yakin bahawa enam ratus *million* kaum Muslimin yang berada di seluruh dunia hari ini adalah hidup di dalam kelemahan dan terhina. Mereka mementingkan kehidupan di dunia daripada Akhirat. Mereka telah melupakan perintah-perintah Allah, sehingga mereka menjadi suatu umat yang hina dan pengecut.

Wahai umat Islam!

Adakah jiwa dan hati-hati kamu telah kering daripada ajaran-ajaran agama .. Adakah dada-dada kamu telah kosong daripada iman ... hingga keadaan hidup kamu sentiasa lemah tak berdaya, tak bersemangat dan kamu reda agama, kehormatan diri dan tanah air kamu dirampas dan diperkosa oleh musuh-musuh kamu?

Sesungguhnya pihak *Rābiṭah Al-‘Ālam Al-Islāmī* dengan ini membangkang dengan sekeras-kerasnya akan perbuatan-perbuatan kejam dan liar yang telah dilakukan oleh orang-orang Yahudi terhadap

penduduk-penduduk kota Quds yang telah mereka tawan itu. Seterusnya di pihak *Rābiṭah Al-‘Ālam Al-Islāmī* sekali lagi menyeru pemimpin-pemimpin, penganjur-penganjur serta sekalian umat Islam di seluruh dunia berjuang *fī sabīli Allāh* kemudian jihad sama ada dengan mengorbankan harta benda dan nyawa mereka sekalipun. Berangkatlah ke medan jihad dengan berjalan kaki atau berkenderaan, jadikanlah diri kamu sekalian tentera jihad di dalam peperangan suci demi untuk mempertahankan kemuliaan agama dan kehormatan akidah dan menyelamatkan kiblat yang pertama, tanah haram yang ketiga dan tempat persinggahan *al-Rasūl al-‘A‘zam ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* di dalam perjalanan baginda menemui Tuhan *‘Azza wa Jalla* di dalam peristiwa Israk dan Mikraj,

dengan tujuan untuk membersihkan kota suci Islam itu daripada kekotoran noda Zionis yang durjana. (*In tanṣurū Allāha yansurkum wa yuthabbīt aqdāmakum*)

Ertinya: “Jika kamu menolong Allah, Allah akan menolong kamu dan ditetapkannya pendirian kamu”.

Ketahuilah oleh kamu wahai umat Islam! Sesungguhnya gerakan pencerobohan yang dilancarkan oleh Israel itu adalah sebagai suatu langkah permulaan yang paling merbahaya dari seluruh bangsa Yahudi untuk menodai kota-kota suci Islam yang lain di dalam negeri-negeri Islam di seantero dunia ini.

Setiausaha Agung

Rābiṭah Al-‘Ālam Al-Islāmī

Mohammed Suroor Al-Ṣabbān.



Orang-orang pelarian Palestin sedang berkumpul di hujung sebuah jambatan (*Allenby*) yang hancur dibom oleh Israel untuk menyeberangi ke sempadan Jordan. (Gambar dipetik daripada *Al-Nadwah*).